



UNIT MEDIA RELA,  
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA),  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI,  
ARAS 7, 8 & 9, BLOK D9, KOMPLEKS D,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62546 PUTRAJAYA

TEL : 03-88703770 FAKS : 03-88905532

---

## SIARAN MEDIA

### PENUGASAN ANGGOTA RELA DI ZON SELAMAT TIMUR SABAH (ESSZONE)

---

**TUARAN, 20 Januari 2018** – YAB Tan Sri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah telah melancarkan penugasan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) di Zon Selamat Timur Sabah (Esszone) hari ini. Turut hadir sama adalah YB Masir Kujat, Timbalan Menteri Dalam Negeri II dan YBhg. Tuan Zulkifli Abidin, Ketua Pengarah RELA Malaysia.

Seramai 504 anggota RELA terlibat dalam projek rintis bagi membantu pemantauan keselamatan di Esszone bermula Januari 2018. Kerajaan telah meluluskan peruntukan khas untuk pembelian aset serta perbelanjaan operasi yang akan dinilai dari semasa ke semasa dan ditambah jika ada keperluan pada masa akan datang.

RELA telah memulakan penugasan tersebut pada 1 Januari 2018 yang lebih tertumpu kepada tanggungjawab membantu menjaga ketenteraman awam setempat melalui rondaan komuniti dan penyaluran maklumat. Penugasan ini tidak membabitkan anggota RELA dalam penugasan di barisan hadapan dan dalam operasi taktikal PDRM dan ATM.

Menurut YAB Tan Sri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, penugasan anggota RELA secara berperingkat di sepanjang 1,700 kilometer Esszone menunjukkan pengiktirafan Kerajaan terhadap RELA Malaysia akan betapa pentingnya peranan dan tanggungjawab anggota RELA sebagai sebagai benteng pertahanan kedua Negara.

“Kerajaan sentiasa menghargai sumbangan anggota RELA yang berkorban masa dan tenaga dalam membantu pihak berkuasa bagi memastikan keselamatan awam dengan melindungi masyarakat daripada pelbagai anasir yang menggugat keamanan termasuk gejala sosial dan jenayah,” kata beliau.

Tambah beliau, kemasukan RELA sebagai salah satu Agensi Keselamatan bagi membantu kawalan keselamatan Negara, khususnya di Esszone, RELA telah membuktikan transformasi sebuah Jabatan yang cukup membanggakan.

“Dahulunya, RELA sinonim dalam menjaga trafik atau kenduri sahaja, kini RELA telah berubah menjadi salah satu pasukan bagi menjaga keselamatan negara. Kesungguhan dan komitmen Barisan Pegawai dan Anggota RELA yang ditunjukkan selama ini, telah menampakkan hasilnya. Perkembangan RELA Malaysia sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Tahniah RELA Malaysia!”

Anggota yang dipilih untuk penugasan ini telah melalui Kursus Asas RELA dan Kursus Khas Penugasan RELA yang dikendalikan oleh pelbagai agensi. Antara modul yang perlu dilalui oleh anggota-anggota tersebut termasuklah pengendalian senjata api dan penyaluran maklumat.

Pada masa ini, terdapat 504 anggota yang bertugas di kawasan Esszone bertugas. Anggota RELA merupakan kelompok paling rapat dengan masyarakat dan mereka ini amat dihormati dan mempunyai integriti yang tinggi.

Tindakan Kerajaan menambah kemampuan kawalan keselamatan di kawasan ini bukan bererti daerah-daerah lain di Sabah diabaikan. Sebaliknya langkah mengukuhkan sistem keselamatan di sempadan perairan negara tersebut merupakan kunci kepada keselamatan Negeri Sabah keseluruhannya.

Perkembangan ini menunjukkan Kerajaan pusat komited untuk memastikan keselamatan di Sabah khususnya di kawasan Esszone agar berada dalam keadaan terkawal dengan tidak memberi sedikit ruang pun kepada pelaku jenayah rentas sempadan.

Semua Agensi Keselamatan seperti ATM, PDRM, RELA Malaysia dan lain-lain Agensi saling berganding bahu antara satu sama lain dalam kawalan keselamatan Esszone khususnya bagi memastikan keselamatan Negara terjamin dan kesejahteraan rakyat terus dipelihara. Hal ini bersesuaian dengan konsep yang diketengahkan oleh Kerajaan iaitu National Blue Ocean Strategy (NBOS).

Pada 29 September 2017 yang lalu, YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah mengumumkan bahawa anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) akan ditugaskan bagi membantu pemantauan keselamatan di Esszone bermula Januari 2018.

#####

<b>Disediakan oleh</b>	:	<b>Unit Media RELA, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)</b>
<b>No.Telefon</b>	:	<b>019-972 2083</b>
<b>Tarikh dikeluarkan</b>	:	<b>20 Jan. 2018</b>